

Pengenalan

Istilah Masyarakat Majmuk pertama kali digunakan oleh seorang ahli ekonomi dan pentadbir British iaitu J.S Furnivall (1948) yang melihat masyarakat majmuk adalah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri. Walaupun mereka terdiri daripada pelbagai kaum, tetapi kehidupan mereka adalah berasingan, interaksi sosial dalam kalangan mereka amat kurang dan hubungan mereka amat terbatas.¹ Sebagai individu, mereka bertemu tetapi hanya di kawasan pasar, untuk berjual beli.² Konsep masyarakat majmuk Furnivall kemudiannya diperhalusi oleh M.G.Smith pada tahun 1978 yang mengatakan bahawa ciri-ciri masyarakat majmuk ialah tiada konsensus nilai, wujud konflik antara kelompok yang berlainan, dominasi politik oleh satu golongan tertentu, hubungan antara kelompok lebih bercorak *secondary* manakala hubungan dalam kelompok lebih berbentuk *primary*.³ Beliau juga berpendapat bahawa masyarakat majmuk wujud atas dasar konflik dan paksaan, bukannya atas dasar nilai bersama.⁴ J. S Furnivall dan M.G. Smith melihat konflik lebih mudah berlaku dalam masyarakat majmuk kerana perbezaan tempat tinggal, pekerjaan, prasangka yang tebal, tiada hubungan yang akrab, kecenderungan mengekalkan identiti sendiri, serta bilangan masyarakat majoriti dan minoriti yang hampir sama.⁵

¹ Raja Ahmad Iskandar, et al., peny, *Isu-isu Hubungan Etnik di Malaysia*, (Selangor: Emeritus Publications, 2015), ms.13

² Mohamed Mustafa Ishak, *Politik Bangsa Malaysia: Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*, (Edisi Bahasa Malaysia Terjemahan Azmi Ahmad, Hasan Ahmad, Suziana Abdul Aziz), (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia & Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2014), ms.17

³ Paimah Atoma, Mohd Azmir Mohd Nizah dan Latifah Abdul Latiff, *Hubungan Etnik*, (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), ms.27

⁴ Raja Ahmad Iskandar, et al., peny, *Isu-isu Hubungan Etnik di Malaysia*, (Selangor: Emeritus Publications, 2015), ms.14

⁵ Paimah Atoma, Mohd Azmir Mohd Nizah dan Latifah Abdul Latiff, *Hubungan Etnik*, (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), ms.27

Walaupun kerangka konsep masyarakat majmuk yang digunakan oleh Furnivall sebenarnya adalah untuk menggambarkan sifat masyarakat Burma dan Timur Belanda (sekarang Indonesia) sebelum Perang Dunia Ke-2 ketika negara tersebut masih dibawah penjajahan British dan Belanda,⁶ namun pada pendapat saya, ia juga dapat digunakan dalam menilai situasi masyarakat majmuk dari perspektif sejarah Malaysia. Sebelum kita melihat dengan lebih jauh tentang permasalahan masyarakat majmuk di Malaysia, saya ingin menegaskan bahawa penulisan ini akan membuktikan bahawa masyarakat majmuk dari perspektif sejarah Malaysia, lebih banyak mendatangkan masalah berbanding manfaat.

Era Ketegangan Konflik Kaum 1941-1960

Bagi membuktikan tesis penulisan bahawa masyarakat majmuk lebih mendatangkan masalah berbanding manfaat, skop penulisan akan melihat permasalahan yang berlaku dalam tempoh masa 1941 sehingga 1960 sahaja yang penghujahannya akan saya pecahkan kepada tiga peringkat. Ini kerana, pada pendapat saya, masalah dalam masyarakat majmuk mula kelihatan ketara pada peringkat pertama, mulai zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu kerana ia telah mengubah pandangan terhadap kaum yang berbeza terutamanya antara kaum Melayu dan Cina.⁷ Peringkat kedua pula ialah selepas pengunduran Jepun semasa pemerintahan 14 hari oleh Bintang Tiga. Keadaan tersebut telah memberikan kesan jangka panjang sehingga menyebabkan zaman darurat berlaku sepanjang tahun 1948-1960 iaitu yang akan saya rujuk sebagai peringkat ketiga. Zaman Darurat yang berkaitan dengan pergerakan komunis dan Parti

⁶ Syed Husin Ali, *Hubungan Etnik di Malaysia: Harmoni dan Konflik*. (Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, SIRD,2015), ms.90

⁷ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946 4th Edition*, (Singapore: NUS Press Singapore, 2012), ms. 16

Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu telah memperlihatkan hubungan tegang wujud di kalangan penduduk, ibarat tidak berkesudahan kerana banyak tragedi berdarah antara kaum yang berlaku pada waktu tersebut khasnya antara orang Melayu dan Cina di Tanah Melayu.⁸ Oleh sebab itu, perbincangan ini akan memberikan fokus hanya kepada permasalahan konflik antara kaum Melayu dan Cina, dan hanya memfokuskan di kawasan Semenanjung Tanah Melayu.

Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk

Pembentukan masyarakat majmuk semakin ketara di Tanah Melayu semasa zaman penjajahan British akibat perkembangan ekonomi di Tanah Melayu. Kedatangan buruh Cina ke Negeri-negeri Melayu dapat disaksikan melalui pembukaan Pulau Pinang (1786), penguasaan Singapura oleh Raffles (1819) dan penubuhan Negeri-negeri Selat (1826). Malah selepas penemuan bijih timah di Larut (1848), semakin banyak jumlah buruh Cina yang diperlukan untuk mengusahakan sektor perlombongan.⁹ Dalam *Malaysia* oleh Rupert Emerson, beliau mengatakan:

“Pada tahun 1881, seramai 89,900 orang Cina sampai di Singapura dan Pulau Pinang. Pada tahun 1901 seramai 224,100 orang dan pada tahun 1913 bilangan itu meningkat kepada 278,100 orang. Dalam tahun-tahun selepas peperangan, bilangan itu meningkat semula kepada 435,708 orang pada tahun 1927. Pada tahun 1933, kehadiran mereka merosot kepada 124,460 orang akibat zaman kemelesetan ekonomi.”¹⁰

⁸ Mat Zin Mat Kib, et al., peny, *Hubungan Etnik di Malaysia: Sejarah, Iltizam & Cabaran Baru*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, 2008), ms.2

⁹ Sivachandralingam Sundara Raja. “Pembangunan Ekonomi dan Hubungan Kaum di Tanah Melayu, 1500-1957” dalam Mat Zin Mat Kib, et al., peny, *Hubungan Etnik di Malaysia: Sejarah, Iltizam & Cabaran Baru*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, 2008), ms.74

¹⁰ Rupert Emerson, *Malaysia: Satu Pengkajian Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), ms.33

Bagi kedatangan buruh India pula, dengan wujudnya perusahaan getah yang semakin berkembang, semakin banyak buruh India yang masuk ke Tanah Melayu. Contohnya, pada tahun 1927 bilangan buruh India daripada Madras yang datang ke Tanah Melayu meningkat sehingga 98,567 orang¹¹ Orang Melayu pula terus tinggal di kawasan perkampungan dengan menjalankan aktiviti ekonomi berbentuk sara diri. Mereka bergantung pada hasil pertanian, ternakan dan sumber-sumber dari sungai, laut dan hutan.¹² Dasar pecah dan perintah oleh British ini telah menyebabkan pembentukan kawasan penempatan yang berasingan mengikut kaum, diperkuatkan lagi oleh kegiatan ekonomi yang berbeza-beza, memisahkan kumpulan-kumpulan etnik ini tanpa banyak interaksi antara satu sama lain yang akhirnya membentuk masyarakat majmuk yang bercirikan budaya, agama dan bahasa yang berbeza.¹³

Menurut Cooper, pada awalnya masyarakat Melayu berpendapat bahawa kehadiran imigran hanya untuk mencari kekayaan dan pulang semula ke negara mereka. Walau bagaimanapun, tanggapan tersebut meleset golongan imigran telah menukar niat untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai negara mereka sendiri¹⁴ Malah keadaan semakin menggusarkan apabila pada tahun 1931 tersebut, daripada keseluruhan populasi Malaya,¹⁵ 44.5% daripada populasi penduduk ialah orang Melayu, 39.2% ialah orang Cina, manakala 14.3% ialah orang India.¹⁶

¹¹Ibid, ms.37-39

¹² Paimah Atoma, Mohd Azmir Mohd Nizah dan Latifah Abdul Latiff, *Hubungan Etnik*, (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), ms.43

¹³ Ibid, ms.44

¹⁴ Jaafar Jambi dan Norliah Abdullah, “Pendudukan Jepun dan Kesedaran Nasionalisme dalam Kalangan Orang Melayu Selepas Perang Dunia Kedua” dalam Asmadi Hassan dan Mohd Ikbil Mohd Huda, peny, *Malaysia dan Jepun: Perspektif, Sejarah, Politik, Ekonomi dan Sosiobudaya*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017) ms.55

¹⁵ Malaya merujuk kepada Negeri-Negeri Selat (NNS), Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)

¹⁶ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946 4th Edition*, (Singapore: NUS Press Singapore, 2012), ms. 5

Angka ini melihatkan bagaimana populasi golongan imigran Cina dan India telah mengatasi jumlah penduduk asal Tanah Melayu iaitu Orang Melayu. Maka, orang Melayu mula menentang polisi imigrasi yang longgar oleh British seperti yang dapat dilihat melalui pernyataan Cheah Boon Kheng iaitu:

“Malay, as the indigenous people, were already beginning to assert their political influence. Through their newspaper, they had clearly called for an end to alien immigration and demanded economic parity if not some improvement of their livelihood. They also viewed the Chinese (and to a lesser extent the Indians) as colonial parasites sucking away the wealth of their country in hand with British colonialism.”¹⁷

Walau bagaimanapun, konflik antara kaum ketika itu tidak tegang malah dianggap dalam keadaan harmoni sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Ini kerana Dasar Pecah dan Perintah British yang mengasingkan setiap komuniti telah mengurangkan ruang untuk berlakunya konflik sosial antara kaum.¹⁸

Peringkat Pertama: Konflik Kaum Semasa Pendudukan Jepun

Perkara ini berbeza berbanding selepas pendudukan Jepun. Jepun telah berjaya menakluk Tanah Melayu dalam masa 70 hari bermula pada 8 Disember 1941 melalui Kota Baharu dan akhirnya Singapura pada 15 Februari 1942. B.Simandjuntak menggambarkan pendudukan Jepun di Tanah Melayu ibarat sebuah pendedahan “masyarakat majmuk tanpa jiwa” yang dahulu tersembunyi.¹⁹ Ini kerana konflik antara kaum mula berlaku semasa pendudukan Jepun akibat perbezaan identiti dan latar belakang sejarah setiap kumpulan masyarakat majmuk. Paul H.Kratoska turut

¹⁷ *Ibid*, ms.16

¹⁸ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946 4th Edition*, (Singapore: NUS Press Singapore, 2012), ms. 16

¹⁹ B.Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963: Satu Kajian Mengenai Masalah-masalah Persekutuan di dalam Sebuah Masyarakat Majmuk*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985), ms. 11

menegaskan bahawa “*Malay, Chinese, Indian nationalist did not share a common attitude toward the new regime*”²⁰

Pertama, dari segi orang Melayu, manipulasi penjajah Jepun telah menggunakan latar belakang sejarah penjajahan Barat di Tanah Melayu untuk mengambil hati orang Melayu. Wataru Watanabe, Timbalan Ketua Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu menegaskan bahawa orang Melayu perlu sedar tentang kesilapan masa lalu yang membenarkan diri mereka dijajah dan mesti menebus kesilapan tersebut. “Asia untuk Asia” merupakan satu propaganda dan janji manis Jepun kepada penduduk tempatan untuk bangun bekerjasama dengan Jepun dan membebaskan negara besar Asia daripada dominasi Barat.²¹ Oleh yang demikian, kedatangan Jepun ke Tanah Melayu tidak mendapat bantahan yang besar dalam kalangan orang Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan dengan pendirian yang diambil oleh pihak istana. Kobkua menghujahkan “*Records revealed that all Malay Rulers regardless of their personnel sentiments gave no resistance to the authority of the Japanese Malayan Military Administration*”²² Sebaik kerajaan tentera Jepun dibentuk, pemimpin Kesatuan Melayu Muda yang ditahan British seperti Ibrahim Yaacob, dan Ahmad Boestamam dibebaskan. Jepun telah menaikkan pangkat orang Melayu yang berpendidikan dan berpengalaman ke jawatan yang lebih tinggi berbanding pemerintahan British.²³

²⁰ Paul H. Kratoska. *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, (St Leonards, N.S.W: Allen & Unwin, 1998), ms.92

²¹ Jaafar Jambi dan Norliah Abdullah, “Pendudukan Jepun dan Kesedaran Nasionalisme dalam Kalangan Orang Melayu Selepas Perang Dunia Kedua” dalam Asmadi Hassan dan Mohd Ikbal Mohd Huda, peny, *Malaysia dan Jepun: Perspektif, Sejarah, Politik, Ekonomi dan Sosiobudaya*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017) ms.58

²² *Ibid*

²³ Jaafar Jambi dan Norliah Abdullah, “Pendudukan Jepun dan Kesedaran Nasionalisme dalam Kalangan Orang Melayu Selepas Perang Dunia Kedua” dalam Asmadi Hassan dan Mohd Ikbal Mohd Huda, peny, *Malaysia dan Jepun: Perspektif, Sejarah, Politik, Ekonomi dan Sosiobudaya*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017) ms.59

Walaupun tidak dapat dinafikan, penduduk kampung Melayu menghadapi kesusahan semasa pendudukan Jepun seperti kekurangan makanan sehingga ramai yang terpaksa makan ubi kayu untuk meneruskan hidup, namun nasib yang diterima orang Cina adalah lebih teruk kerana kaum mereka menerima layanan yang paling buruk semasa pendudukan Jepun.²⁴ Ini kerana, perperangan di antara Jepun dengan China yang bermula sejak tahun 1937 telah membangkitkan perasaan anti-Jepun dalam kalangan orang Cina di Tanah Melayu. V.Purcell dalam *The Chinese in Malaya*, mengatakan bagi Jepun pula “Askar komunis Cina di negeri China yang telah mendatangkan masalah terbesar dan telah menghalang kemaraan mereka serta membunuh banyak anggota mereka”²⁵ Jadi, apabila Jepun menyerang Tanah Melayu, kebanyakan orang Cina telah dilayan kasar oleh orang Jepun dengan kejam dan tanpa belas kasihan. Tambahan pula, tentera Jepun ramai berkumpul di bandar dan bertindak dengan ganas dan secara kebetulan orang Cina majoritinya penduduk bandar²⁶ Pada hari ke-3 selepas Singapura diserahkan kepada Jepun, melalui operasi ‘Sook Ching’ antara 40 000 hingga 100 000 orang Cina dibunuhi kerana dianggap komunis dan anti-Jepun.²⁷ Parti Komunis Malaya kemudiannya telah menubuahkan Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) bagi menentang Jepun.

Konflik perbezaan latar belakang sejarah antara orang Melayu dan Cina ini menyebabkan orang Cina membenci Melayu yang dianggap mendapat layanan

²⁴ Azhar Mad Aros, “Militerisme Jepun 1895-1945: Polisi Penjepun dan Penentangan Di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak” dalam Mohammad Redzuan Othman, *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), ms.176

²⁵ B.Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963: Satu Kajian Mengenai Masalah-masalah Persekutuan di dalam Sebuah Masyarakat Majmuk*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985), ms. 14

²⁶ *Ibid*

²⁷ *Ibid*

istimewa oleh Jepun dan telah menyebabkan bermulanya ketegangan kaum antara Melayu-Cina. Sebagai bukti, Cooper mengatakan menerusi petikan di bawah:

“permusuhan Melayu-Cina memuncak semasa enam bulan terakhir pemerintahan Jepun. Gerila MPAJA yang kebanyakannya dianggotai oleh orang Cina telah membunuh mana-mana orang Melayu yang disyaki sebagai tali baru dan pengintip Jepun. Kemasukan MPAJA ke kampung Melayu dengan melakukan kekacauan mempersendakan kesucian agama Islam memperlihatkan kebangkitan Tentera Sabil Selendang Merah oleh Kiai Salleh di Simpang Kiri. Beliau menyatukan orang Jawa dan Banjar dengan tentera sabil ini dengan menggunakan parang panjang, keris, lembing, pedang dan tombak untuk melawan MPAJA yang menggunakan senjata api. Perjuangan Kiai Salleh mempertahankan Melayu bukan setakat di Simpang Kiri tetapi merebak ke seluruh daerah Batu Pahat.”²⁸

Polisi perkauman Jepun turut mengapi-apikan pergaduhan kaum antara masyarakat Melayu dan Cina seperti yang berlaku di Batu Pahat Johor²⁹ Maka, peringkat pertama ini jelas menunjukkan bagaimana akibat hidup berasingan seperti yang dikatakan oleh Furnivall menyebabkan masalah tiada persefahaman terutamanya apabila datang fenomena sosial baru seperti manipulasi penjajah Jepun di Tanah Melayu.

Peringkat Kedua: Masalah perbezaan ideologi dalam Peristiwa 14 Hari

Selama 14 hari selepas tamatnya penaklukan Jepun, pada 16 Ogos 1945, MPAJA atau dikenali - Bintang Tiga memburu etnik Melayu yang pernah bersubahat dengan Jepun kerana dendam apabila mereka menjadi anggota polis Jepun, atau *Jookidam*³⁰

²⁸ Jaafar Jambi dan Norliah Abdullah, “Pendudukan Jepun dan Kesedaran Nasionalisme dalam Kalangan Orang Melayu Selepas Perang Dunia Kedua” dalam Asmadi Hassan dan Mohd Ikbil Mohd Huda, peny, *Malaysia dan Jepun: Perspektif, Sejarah, Politik, Ekonomi dan Sosiobudaya*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017) ms.63

²⁹ B.Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963: Satu Kajian Mengenai Masalah-masalah Persekutuan di dalam Sebuah Masyarakat Majmuk*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985), ms. 14

³⁰ Shamsul Amri Baharuddin, *Kesepadan dalam Kepelbagai: Perpaduan di Malaysia sebagai work in progress*, (Bangi: Penerbit UKM, 2011), ms. 19.

Menurut Mohamad Ali Hanifah:

“Terdapat ramai orang Melayu yang ditangkap dan diadili di Mahkamah Tentera Bintang Tiga atau Kangaroo Court. Pada kebiasaannya tindakan yang dikenakan adalah tidak munasabah dan hukuman mati menanti pesalah yang diadili di mahkamah tersebut. Terdapat orang Melayu yang ditanam hidup-hidup dengan kepalanya di atas tanah untuk disepak. Orang Melayu di kawasan perkampungan Air Hitam Survival Orang Melayu di yang disyaki sebagai tali barut Jepun, dibunuh, di cincang lumat dan diberikan sebagai makanan kepada babi. Terdapat tahanan yang ditoreh badan mereka dengan pisau, kemudian dicucuh dengan puntung rokok. Sesetengahnya dipaksa minum air sabun.³¹

Kezaliman Bintang Tiga yang mengambil alih pemerintahan selama empat belas hari menjadi antara faktor pencetus kepada konflik berterusan Melayu-Cina. Pada ketika itu, pencerobohan ke atas kesucian agama Islam dan kematian ramai orang Melayu menjadikan orang Melayu yang menganggotai MPAJA mulai beralih angin setelah melihat tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap orang Melayu. Penolakan orang Melayu terhadap propaganda komunis menyebabkan MPAJA menaruh perasaan benci terhadap orang Melayu dan agama Islam itu sendiri. Orang Melayu yang berusaha mempertahankan nyawa dan keselamatan telah bersatu dan mula menentang MPAJA dengan melakukan serangan di pekan kecil, ladang getah dan kawasan kebun sayur. Serangan ini juga sering kali berakhir dengan pembunuhan, kejadian membakar rumah kediaman dan rompakan. Beberapa buah kawasan perkampungan seperti di Mukim Simpang Kanan, Parit Raja, Seri Mendapat dan Seri Gading adalah kampung yang paling dahsyat menerima tekanan dan kezaliman Bintang Tiga.³²

³¹ Mohamad Ali Hanifah, Zulhimi Paidi, dan Nor Azlah Sham. “Survival Orang Melayu Di Johor Berikutan Kekejaman Komunis, 1945” dalam *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 44 (1) July 2017. (History, Politics & Securities Research Centre: UKM) ms.143-144

³² *Ibid*

Dapat dirumuskan pada ketika ini bahawa, masyarakat majmuk di Tanah Melayu pada ketika itu sememangnya lebih mendatangkan masalah berbanding manfaat kerana perbezaan ideologi dan pegangan agama telah menyebabkan konflik permusuhan, kekejaman dan pembunuhan antara kaum.

Peringkat Ketiga: Masalah Perkauman pada zaman darurat 1948-1960

Pada 31 Januari 1948, Malayan Union dibubarkan, kerana desakan kuat orang Melayu, salah satunya kerana seperti yang dikatakan oleh Tun Abdul Razak dalam *The May 13 Tragedy*, iaitu kerana orang Melayu bimbang mereka akan diperintah oleh kaum Cina yang taat setianya kepada Tanah Melayu yang masih diragui. Malah kerana mereka telah mempunyai pengalaman pahit, bahaya apabila Cina berkuasa.³³

Rusuhan dan mogok oleh pekerja ladang telah berlaku secara besar-besaran di Malaya ketika itu. Pimpinan kesatuan sekerja yang terlibat merancang rusuhan dan mogok ini telah ditangkap dan pertubuhan mereka diharamkan.³⁴ Penglibatan Bintang Tiga sebagai dalang dalam rusuhan tersebut dan juga tindakan ganas mereka membunuh tiga orang pengurus ladang keturunan Eropah di Sungai Siput pada 16 Ogos 1948 akhirnya menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent mengisytiharkan Darurat pada 23 Julai 1948, yang hanya tamat pada 31 Julai 1960.³⁵

Masalah prasangka dan kebencian antara kaum Melayu dan Cina yang sedia ada semakin memuncak apabila 90% daripada komunis yang berada di dalam hutan adalah terdiri daripada orang Cina dan majoriti penyokong komunis terdiri daripada

³³ Tun Abdul Razak, *The May 13 Tragedy: A Report*. (The National Operations Council) ms 5&8

³⁴ Shamsul Amri Baharuddin, *Kesepadan dalam Kepelbagai: Perpaduan di Malaysia sebagai work in progress*, (Bangi: Penerbit UKM, 2011), ms. 19.

³⁵ *Ibid*, ms 20

orang Cina. Orang Melayu pula yang kebanyakannya merupakan polis, askar, atau pengawal kampung terpaksa menghadapi bahaya serangan komunis dan menanggung kehilangan nyawa.³⁶ Malah, jumlah penyertaan orang Cina dalam pasukan keselamatan adalah kurang berbanding orang Melayu. Misalnya, antara tahun 1949-1951 hanya 1,500 belia Cina yang berkhidmat dalam anggota polis yang berjumlah 25,000-26,000 orang³⁷ Menurut Ho Hui Ling:

“Komposisi kaum yang berbeza dalam pasukan keselamatan, dilihat dari sudut perkauman seolah-olah memperlihatkan orang Melayu memerangi orang Cina. Tindakan komunis menyerang orang Melayu semasa Darurat pula menimbulkan kemarahan orang Melayu dan mengakibatkan serangan balas terhadap orang Cina yang dianggap sebangsa dengan komunis”³⁸

Akhirnya pertempuran yang berlaku bukan lagi merupakan pertempuran menentang komunis tetapi menjadi pertempuran di antara kaum. Contohnya, kejadian di Kerdau, Pahang (18 April 1949), di mana komunis menembak seorang pemuda Melayu yang akhirnya menyebabkan orang Cina dikejar oleh orang Melayu dengan parang. Akibat daripada kejadian itu, hampir semua orang Cina yang sebelumnya menetap di Kerdau telah berpindah ke tempat lain.³⁹

Selain itu, di bawah Rancangan Briggs⁴⁰ diadakan sebuah rancangan penubuhan kampung baru, iaitu seramai 572,917 orang Cina (85% Cina, 9% Melayu, 4% India dan 1% bangsa lain) ditempatkan di 480 kampung baru. Penempatan ini dibekalkan

³⁶ Ho Hui Ling. “Hubungan Etnik di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan” dalam Mat Zin Mat Kib, et al., peny, *Hubungan Etnik di Malaysia: Sejarah, Iltizam & Cabaran Baru*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, 2008), ms.15

³⁷ *Ibid*, ms.16

³⁸ *Ibid*, ms 16-17

³⁹ *Ibid*, ms.17-18

⁴⁰ Rancangan Briggs oleh Leftenan General Sir Harold Rowden Briggs yang menjadi Pengarah Gerakan pada bulan April 1950

dengan kemudahan asas seperti jalan raya, air, elektrik dan kemudahan lain.⁴¹

Walaupun niat British adalah untuk mengatasi ancaman komunis, namun ia menimbulkan masalah ketidakpuasan hati dalam kalangan Orang Melayu kerana nasib mereka lebih buruk daripada yang dinikmati oleh orang Cina di penempatan baru. *Warta Negara*, 22 November 1952 mendakwa bahawa orang Melayu ditinggalkan dengan lampu usang, perigi buruk dan jalan berlumpur.⁴² Tambahan pula tanah yang dijadikan kampung baru adalah tanah Rizab Melayu (Undang-Undang Darurat, Akta Tanah 1948).⁴³ Pada tahun 1951-1953, pemimpin dan akhbar Melayu mengkritik British yang mengabaikan ekonomi orang Melayu di kampung sedangkan kaum Cina yang tidak boleh dipercayai (ada yang menyokong Komunis) dibela.⁴⁴

Ketegangan kaum semakin meruncing apabila lebih 10,000 belia Cina dalam umur perkhidmatan negara (18-24 tahun) meninggalkan Tanah Melayu melarikan diri ke Singapura dan China setelah Peraturan Tenaga Manusia diumumkan pada 20 Disember 1950 kerana ingin mengelakkan diri daripada menjadi pasukan polis.⁴⁵ Orang Melayu pula tidak bertindak melarikan diri. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu beranggapan bahawa kaum Cina tidak menunjukkan komitmen dalam usaha membanteras pemberontakan komunis yang majoritinya dianggotai oleh orang Cina dan mula mempersoalkan kesetiaan orang Cina di Tanah Melayu.

⁴¹ Sivachandralingam Sundara Raja. "Pembangunan Ekonomi dan Hubungan Kaum di Tanah Melayu, 1500-1957" dalam Mat Zin Mat Kib, et al., peny, *Hubungan Etnik di Malaysia: Sejarah, Iltizam & Cabaran Baru*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, 2008), ms.77

⁴² Ho Hui Ling. "Hubungan Etnik di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan" dalam Mat Zin Mat Kib, et al., peny, *Hubungan Etnik di Malaysia: Sejarah, Iltizam & Cabaran Baru*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, 2008), ms.17

⁴³ Ibid

⁴⁴ Sivachandralingam Sundara Raja. "Pembangunan Ekonomi dan Hubungan Kaum di Tanah Melayu, 1500-1957" dalam Mat Zin Mat Kib, et al., peny, *Hubungan Etnik di Malaysia: Sejarah, Iltizam & Cabaran Baru*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, 2008), ms.77

⁴⁵ Tun Abdul Razak, *The May 13 Tragedy: A Report*. (The National Operations Council) ms 10

Kemuncak ketegangan hubungan Melayu-Cina dapat dilihat melalui beberapa pergaduhan perkauman atau inter-etnik berlaku di pelbagai tempat seperti Pulau Pinang (Januari 1957), dan Pangkor (Mei 1959)⁴⁶ Misalnya di Pulau Pinang, peristiwa yang berpunca daripada perarakan sambutan penganugerahan taraf Bandar Raya kepada Pulau Pinang oleh United Kingdom, bertukar menjadi tragedi apabila menyebabkan pergaduhan dan serangan pada 2-8 Januari 1957 yang mengakibatkan kematian 4 orang dan 48 cedera.⁴⁷ Punca tragedi sebenarnya adalah kecil berikutan khabar angin kononnya orang Melayu akan menyekat perarakan berkenaan, namun akibat perasaan perkauman dan prasangka setelah sekian lama, ia bertukar menjadi tragedi yang serius. Di Pulau Pangkor pula, pergaduhan antara seorang lelaki Cina dan seorang pemuda Melayu pada 11 Mei 1959 akhirnya merebak menjadi pertengkaran besar antara orang puluhan Melayu dan Cina bersenjata, kebakaran enam rumah orang Melayu dan akhirnya terpaksa diisyiharkan perintah berkurung, menyekat penduduk daripada meninggalkan atau memasuki Pulau Pangkor.⁴⁸

Kesimpulan

Masyarakat majmuk sememangnya mendatangkan masalah pada zaman 1941-1960 kerana benarnya hakikat bahawa masyarakat majmuk ini wujud atas dasar konflik dan paksaan, bukannya atas dasar nilai bersama. Akibatnya, muncul masalah tidak mampu memahami sejarah dan identiti kaum yang berbeza. Malah disebabkan ancaman komunis, sentimen perkauman, kebencian dan prasangka memuncak sehingga banyak berakhir dengan pertumpahan darah. Kekeruhan hubungan etnik sebelum Merdeka,

⁴⁶ Syed Husin Ali, *Hubungan Etnik di Malaysia: Harmoni dan Konflik*. (Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, SIRD,2015), ms.140

⁴⁷ Tun Abdul Razak, *The May 13 Tragedy: A Report*. (The National Operations Council) ms17-19

⁴⁸ *Ibid*, Ms.20-21

khususnya selepas Perang Dunia Kedua ini, memang menonjol tetapi jarang ditonjolkan. Yang selalu ditonjolkan adalah kekeruhan hubungan etnik pasca merdeka iaitu peristiwa berdarah 13 Mei 1969⁴⁹ Pada hemat saya, apa juga konflik yang dihadapi masyarakat majmuk selepas era 1960 terutamanya antara Melayu-Cina mempunyai perkaitan punca dengan hujahan saya dalam penulisan ini. Oleh itu, pemilihan skop tahun 1941-1960 yang menghujahkan tiga peringkat konflik antara kaum Melayu dan Cina amat sesuai dibincangkan. Ini kerana sebelum pendudukan Jepun, pemerintahan British yang mengurangkan pertembungan antara kaum Melayu dan Cina menyebabkan tiada konflik yang teruk jika dibandingkan dengan zaman pendudukan Jepun. Hujah pertama menunjukkan bagaimana akibat perbezaan identiti dan latar belakang sejarah orang Melayu dan Cina, malah kepandaian manipulasi polisi Jepun telah mewujudkan persengketaan antara orang Melayu-Cina. Ketegangan menjadi lebih kronik melalui peringkat kedua yang melihatkan kekejaman Bintang Tiga terhadap orang Melayu sehingga meningkatkan kebencian orang Melayu. Melalui hujah ketiga, iaitu semasa Zaman Darurat, disebabkan terlalu banyak konflik yang telah berlaku, perasaan prasangka telah mengeruhkan keadaan sehingga lebih banyak tragedi berdarah yang berlaku sekali gus membuktikan tesis penulisan ini. Perlu ditegaskan juga walaupun Malaysia menghadapi masalah perkauman seperti isu kewarganegaraan, pendidikan, politik dan ekonomi namun konflik yang berlaku berakhir dengan perdamaian antara kaum tidak seperti konflik yang telah dibincangkan dalam penulisan ini yang sentiasa berakhir dengan pertumpahan darah.

⁴⁹ Shamsul Amri Baharuddin., *Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengkal Kejernihan dalam Kekeruhan*. (Bangi: Institusi Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), ms 1